

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Isnin, 13 Mei 2024



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA BAGI PERANGKAAN GETAH BULANAN, MALAYSIA MAC 2024

Pengeluaran getah asli Malaysia menurun 9.2 peratus pada Mac 2024

PUTRAJAYA, 13 Mei 2024 – Pada hari ini, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan **Perangkaan Getah Bulanan, Malaysia, Mac 2024**. Penerbitan ini memaparkan statistik pengeluaran, import, eksport, penggunaan domestik, stok, harga, bilangan pekerja, gaji & upah dan produktiviti bagi estet getah.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin berkata, pengeluaran getah asli menurun 9.2 peratus pada Mac 2024 (26,966 tan metrik) berbanding pada Februari 2024 (29,691 tan metrik). Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 0.8 peratus (Mac 2023: 27,188 tan metrik). Pengeluaran getah asli Malaysia pada Mac 2024 disumbangkan terutamanya oleh sektor pekebun kecil (88.5%) berbanding sektor estet (11.5%).

Jumlah stok getah asli pada Mac 2024 menurun 3.3 peratus kepada 222,455 tan metrik berbanding 229,940 tan metrik pada Februari 2024. Kilang pemproses getah menyumbang stok akhir sebanyak 92.4 peratus diikuti kilang pengguna getah (7.5%) dan estet getah (0.1%).

Eksport getah asli Malaysia berjumlah 58,965 tan metrik pada Mac 2024, meningkat 7.0 peratus berbanding Februari 2024 (55,083 tan metrik). China terus kekal sebagai destinasi utama untuk eksport getah asli iaitu berjumlah 48.9 peratus daripada jumlah keseluruhan eksport pada Mac 2024 diikuti Jerman (9.3%), Emiriah Arab Bersatu (9.2%), India (6.9%) dan Pakistan (4.5%). Prestasi eksport disumbangkan oleh produk berasaskan getah asli seperti sarung tangan getah, tayar, tiub dan benang getah. Produk sarung tangan getah merupakan eksport utama dengan nilai sebanyak RM1.14 billion pada Mac 2024, meningkat 3.9 peratus berbanding Februari 2024 (RM1.10 billion).

Analisis perbandingan harga purata bulanan menunjukkan Lateks Pekat merekodkan peningkatan iaitu 8.2 peratus (Mac 2024: 740.37 sen sekilogram; Februari 2024: 684.19 sen sekilogram) manakala Sekerap meningkat sebanyak 5.9 peratus (Mac 2024: 640.54 sen sekilogram; Februari 2024: 604.59 sen sekilogram). Harga bagi semua jenis Getah Mutu Malaysia (G.M.M) pula meningkat antara 4.2 peratus hingga 8.1 peratus. *The World Bank Commodity Price Data* melaporkan harga bagi getah jenis TSR 20 (*Technically Specified Rubber*) meningkat 5.8 peratus (daripada USD 1.56/kg kepada USD1.65/kg) dan SGP/MYS (Singapura/Malaysia) meningkat 18.1 peratus (daripada USD2.02/kg kepada USD2.39/kg).

Prestasi suku pertama 2024 menunjukkan pengeluaran getah asli menurun 7.5 peratus kepada 86,944 tan metrik berbanding 93,956 tan metrik pada suku keempat 2023. Prestasi pertumbuhan tahunan pengeluaran getah asli Malaysia pada suku pertama 2024 pula mencatatkan peningkatan 3.7 peratus berbanding suku pertama 2023 (83,848 tan metrik).


Menurut *Malaysia Rubber Board Digest* keluaran Mac 2024, pasaran getah Kuala Lumpur bercampur-campur pada bulan Mac apabila G.M.M 20 mencatatkan paras tertinggi baharu sejak April 2017 pada 20 Mac 2024 iaitu pada harga 805.00 sen/kg sebelum berkurangan menjelang penghujung bulan. Pasaran getah asli semakin berkurang dengan jangkaan bekalan getah asli yang terhad berikutan keadaan cuaca dan musim daun luruh. Namun demikian, rangsangan dan langkah-langkah yang berterusan serta jualan kereta yang lebih baik di China yang disumbangkan oleh kenderaan elektronik (EV) turut memberi sokongan kepada sentimen pasaran.

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.


**Carta 1: Pengeluaran dan penggunaan domestik bagi getah asli Mac 2023, Februari – Mac 2024
('000 tan metrik)**



**Carta 2: Import dan eksport bagi getah asli Mac 2023, Februari – Mac 2024
('000 tan metrik)**



Carta 3: Pengeluaran getah asli Suku Tahunan 2022/2023/2024
('000 tan metrik)



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
13 MEI 2024

Embargo: Only to be published or disseminated at 1200 hour, Monday, 13th May 2024



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT
FOR MONTHLY RUBBER STATISTICS, MALAYSIA
MARCH 2024

**Malaysia natural rubber production
decreased by 9.2 per cent in March 2024**

PUTRAJAYA, 13 May 2024 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today released the **Monthly Rubber Statistics, Malaysia, March 2024**. This publication consists of statistics on production, imports, exports, domestic consumption, stocks, prices, number of employees, salaries & wages and productivity of rubber estates.

Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin said, Natural Rubber (NR) production decreased by 9.2 per cent in March 2024 (26,966 tonnes) as compared to February 2024 (29,691 tonnes). Year-on-year comparison showed that the production of NR decreased by 0.8 per cent (March 2023: 27,188 tonnes). Production of NR in March 2024 for Malaysia was mainly contributed by smallholders sector (88.5%) as compared to estates sector (11.5%).

Total stocks of NR in March 2024 decreased by 3.3 per cent to 222,455 tonnes as compared to 229,940 tonnes in February 2024. Rubber processors factory contributed 92.4 per cent of the stocks followed by rubber consumers factory (7.5%) and rubber estates (0.1%).

Exports of Malaysia's NR amounted to 58,965 tonnes in March 2024, increased 7.0 per cent as against February 2024 (55,083 tonnes). P.R. China remained as the main destination for NR exports which accounted 48.9 per cent of total exports in March 2024

followed by Germany (9.3%), the United Arab Emirates (9.2%), India (6.9%) and Pakistan (4.5%). The exports performance was contributed by NR-based product such as gloves, tyre, tube and rubber thread. Gloves were the main exports of rubber-based products with a value of RM1.14 billion in March 2024, an increase of 3.9 per cent as compared to February 2024 (RM1.10 billion).

Analysis of the average monthly price showed that Concentrated Latex recorded an increase of 8.2 per cent (March 2024: 740.37 sen per kg; February 2024: 684.19 sen per kg) while Scrap increased by 5.9 per cent (March 2024: 640.54 sen per kg; February 2024: 604.59 sen per kg). Prices for all Standard Malaysian Rubber (S.M.R) increased between 4.2 per cent to 8.1 per cent. The World Bank Commodity Price Data reported the prices for TSR 20 (Technically Specified Rubber) has increased 5.8 per cent (from USD1.56/kg to USD1.65/kg) and SGP/MYS (Singapore/Malaysia) increased 18.1 per cent (from USD2.02/kg to USD2.39/kg).

The performance of the first quarter of 2024 showed natural rubber production decreased by 7.5 per cent to 86,944 tonnes as compared to 93,956 tonnes in the fourth quarter of 2023. The annual performance of Malaysia's natural rubber production in the first quarter of 2024 recorded an increase of 3.7 per cent as compared to the first quarter 2023 (83,848 tonnes).

According to the Malaysia Rubber Board Digest published in March 2024, the Kuala Lumpur rubber market ruled mixed during March where SMR 20 recorded a new high since April 2017 on 20 March 2024 at 805.00 sen/kg before easing towards the end of the month. The natural rubber market is decreasing with the expected tight NR supply owing to bad weather conditions and wintering season. Meanwhile, persistent Chinese stimulus measures and improved car sales in China contributed by electronic vehicles (EVs) also gave support to market sentiment.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.

DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Chart 1: Production and domestic consumption of natural rubber March 2023, February - March 2024
(‘000 tonnes)




Chart 2: Imports and exports of natural rubber March 2023, February - March 2024
(‘000 tonnes)





Chart 3: Natural rubber production Quarterly 2022/2023/2024
(‘000 tonnes)



Released by:

THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
13 MAY 2024